

**KAJIAN PENGGUNAAN UNSUR SENI JALINAN
DALAM PENGHASILAN KARYA SENI CATAN**

**AMIR HAMZAH BIN MOHAMMAD
C17A0019**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021



**Kajian Penggunaan Unsur Seni Jalinan
Dalam Penghasilan Karya Seni Catan**

**AMIR HAMZAH BIN MOHAMMAD
C17A0019**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperoleh ijazah
Sarjana muda (Teknologi Kreatif) dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN**

2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nikilan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama Pelajar :

No. Matriks :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia :

Cop :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan dan menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Yuhanis Bin Ibrahim yang sudi meluangkan masa beliau untuk memberikan bimbingan dan segala tunjuk ajar kepada saya dan rakan-rakan. Semoga segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau dapat memberi manfaat pada masa hadapan.

Tidak lupa juga, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberikan kata-kata semangat, nasihat, sokongan, dan juga bantuan dari segi kewangan di saat memerlukan.

Akhir sekali, terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses menyempurnakan projek penyelidikan ini. Kami saling bertukar pendapat dan idea antara satu sama lain untuk memberi cadangan dalam proses menjalankan projek penyelidikan ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
ABSTRAK	
ABSTRACT	
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 LATAR BELAKANG MASALAH	3
1.2 PERYATAAN MASALAH KAJIAN	5
1.3 PERSOALAN KAJIAN	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5 SKOP KAJIAN	6
1.6 DEFINISI TERMA	9
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 PENGENALAN	11
2.2 DEFINISI JALINAN DALAM KONTEKS SENI	11
2.3 JENIS-JENIS JALINAN DALAM SENI CATAN	12
2.4 TEKNIK JALINAN DALAM PENGHASILAN KARYA SENI CATAN	15
2.5 JENIS BAHAN, MEDIUM DAN JUGA CAT	27
2.6 ARTIS RUJUKAN	34

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN	40
3.2 INSTRUMEN KAJIAN	40
3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA	41
3.2.1 DATA PRIMER	41
3.3.2 KAEDAH PEMERHATIAN	42
3.3.3 KAEDAH TEMU BUAL	43
3.3.4 KAEDAH EKSPERIMENTAL	44
3.3.5 DATA SEKUNDER	45
3.3.6 DOKUMENTASI	45
3.3.7 DIAGRAM PROSES KAJIAN	45

BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN	47
4.2 ESKPERIMEN DARI SEGI TEKNIK MEDIA DAN JUGA BAHAN	48
4.4 PROSES PENGHASILAN KARYA	54
4.4.KARYA AKHIR	56
4.KENYATAAN ARTIS	57

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 MANFAAT KAJIAN	59
5.2 RUMUSAN	60

RUJUKAN

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan unsur seni jalinan dalam penghasilan karya seni catan. Dalam kajian ini, terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji seperti temu bual pemerhatian dan juga mengeksperimenta. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah tersebut dapat memudahkan pengkaji untuk mengenalpasti, mengkaji dan mengeksperimen. Kesimpulanya, hasil kajian ini dapat membantu pengkaji untuk menyampaikan idea, mesej dan konsep karya dengan lebih jelas serta efektif dengan menggunakan unsur metafora.

Kata Kunci : Unsur Seni, Jalinan, Catan

Abstract

This study used the use of braided art in the production of paintings. In this study, there are several methods that have been used by researchers such as observational interviews and also experimenting Therefore, using methods that researchers can use to identify, study and experiment. In conclusion, the results of this study can help researchers to convey the ideas, messages and concepts of the work more clearly and effectively by using metaphors.

Keywords :Element of Art, Texture, Painting

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bagi menghasilkan sesuatu karya, seseorang pengkarya harus mengetahui terlebih dahulu perkara asas dalam pendidikan seni iaitu Asas Seni Reka yang mempunyai dua elemen penting antaranya unsur seni dan juga prinsip rekaan. Artis seni akan menggunakan garis panduan ini ketika berusaha membuat karya seni yang berkualiti tinggi. Prinsip untuk garis panduan ini merangkupi enam unsur seni dan jalinan merangkumi satu di antaranya. Jalinan dalam seni merangsang dua deria iaitu penglihatan dan juga sentuhan. Oleh kerana itu, selain melihat deria sentuhan juga sangat penting untuk kita merasakan pelbagai jenis jalinan ada. Tangan dan kulit dilengkapi dengan saraf sensitif yang dapat membezakan kita pelbagai jenis jalinan. Selain memberi maklumat mengenai dunia di sekitar, rasa sentuhan juga dapat memberikan kita kesenangan dalam pengalaman sentuhan permukaan yang berbeza. Ini adalah aspek penting dalam seni visual dengan alasan yang sama.

Seni visual dapat memberi inspirasi, memprovokasi, membuat kita berfikir, membuat kita ketawa, membuat kita menangis, dan juga membuat kita melihat sesuatu dengan cara yang tidak akan pernah kita miliki. Hal ini menyebabkan sebahagian daripada apa yang menjadikan jalinan begitu penting dalam seni visual. Jalinan dalam unsur seni dapat meningkatkan dan menyokong konsep artis seni di sebalik karya.

Sebilangan artis seni menggunakan jalinan sebagai pengaruh besar terhadap tindak balas audien terhadap karya tersebut. Walaubagaimanapun, dalam pelbagai karya seni jalinan dapat menarik perhatian sehingga kita dapat menghabiskan lebih banyak masa dengan karya tersebut.

Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai penggunaan unsur seni iaitu jalinan '*texture*' dalam penghasilan karya seni catan. Dalam konteks seni visual, jalinan atau lebih mudah difahami sebagai tekstur merupakan kesan yang menimbulkan jisim atau bentuk. Selain itu, karya yang mempunyai kesan jalinan akan tampak lebih menarik dan realistik pada pandangan audien. Jalinan bukan sahaja boleh terhasil melalui hasil seni catan, malah boleh juga dihasilkan dengan pelbagai jenis teknik dan kreativiti pengkarya seperti lukisan, cetakan, arca, ukiran, batik, anyaman, seni digital dan sebagainya.

Oleh hal demikian, sebab kajian ini dikaji adalah untuk memahami dan mendalami hasil seni jalinan. Segelintir pengkarya baru masih kurang pendedahan mengenai jalinan dan mengakibatkan mereka tidak dapat membezakan dan tidak dapat mengeksplorasikan hasil seni mereka mengikut peredaran seni masa kini. Jalinan sangat penting dalam seni catan untuk menjadikan objek kelihatan lebih jelas dan nyata. Walaupun dalam lukisan abstrak, jalinan tetap dapat memberi mesej atau satu perasaan '*mood*' yang timbul pada audien untuk merasai dan memahami apabila melihat karya tersebut.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam proses membuat kajian ini, pengkaji telah dapati terdapat beberapa masalah kajian yang berlaku terhadap pengkarya pada masa ini. Antaranya ialah memerlukan kos untuk membeli segala bahan, medium dan cat untuk mendapatkan pelbagai kesan jalinan dalam karya seni catan.

Selain itu, masalah kedua dalam kajian ini adalah disebabkan pelajar tidak mengetahui teknik dan gaya menghasilkan jalinan dalam sesebuah karya tidak kira dalam hasil karya catan atau sebagainya. Teknik merupakan antara perkara penting yang perlu dipelajari untuk mendapatkan hasil seni yang mempunyai nilai estetika dan berkualiti tinggi. Dalam konteks pembelajaran, seni catan mempunyai pelbagai teknik yang boleh diterapkan dalam penghasilan karya. Namun begitu, terdapat segelintir pengkarya yang mempunyai teknik dan kreativiti tersendiri untuk menghasilkan jalinan pada karya mereka. Hal ini demikian kerana, untuk memperkenalkan dan menunjukkan identiti mereka jika dibandingkan dengan pengkarya lain. Oleh kerana itu, sebagai seorang pelajar seni perlu mempelajari pelbagai teknik dan gaya untuk diaplikasikan di dalam hasil karya seni mereka. Selain itu, artis rujukan juga antara salah satu cara untuk pelajar mempelajari pelbagai teknik dan gaya baharu.

Seterusnya, masalah ketiga yang dihadapi oleh pelajar seni halus apabila mereka hanya menghasilkan karya seni catan dengan cara konvensional dan tidak ingin mengeksplorasi penggunaan unsur seni jalinan dari pelbagai jenis bahan dan media. Mengikut perkembangan seni pada masa kini, pelbagai jenis bahan dan media

boleh digunakan mengikut kesesuaian dan kreativiti pengkarya itu sendiri. Untuk mendapatkan hasil yang sempurna tidak semestinya perlu menggunakan bahan dan media yang berharga mahal. Bahan dan media murah juga boleh digunakan untuk mendapatkan hasil karya yang kualiti mengikut kreativiti tersendiri. Namun masalah yang timbul apabila pelajar tidak tahu untuk mencuba dan mengeksplorasikan sesuatu bahan atau media yang baru. Hal ini demikian kerana, jalinan dalam konteks seni terbahagi kepada dua iaitu jalinan tampak dan juga jalinan sentuh. Jalinan tampak yang terdapat pada seni catan merupakan kesan yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasai dengan sentuhan. Bahan atau media yang digunakan merupakan bahan asas seni untuk melukis seperti cat akrilik, cat minyak dan sebagainya. Namun untuk menghasilkan jalinan sentuh iaitu kesan di atas permukaan yang dapat dirasai melalui deria sentuhan perlu menggunakan pelbagai bahan atau media yang bersesuaian.

1.2 PENYATAAN MASALAH

1. Memerlukan kos untuk membeli segala bahan, medium dan cat untuk mendapatkan pelbagai kesan jalinan dalam karya seni catan.
2. Kurang pengetahuan dalam penggunaan teknik dan gaya dalam menghasilkan jalinan yang mengakibatkan pengkarya kini tidak dapat mengaplikasikannya dalam penghasilan karya seni catan.
3. Tidak berani untuk mengekperimen dan mengekplotasikan pelbagai jenis bahan, medium dan cat untuk mendapatkan kesan jalinan dalam karya seni catan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah menemui beberapa persoalan, antara ialah :

- i. Bagaimana untuk menghasilkan jalinan pada karya seni catan?
- ii. Adakah pengkarya kini dapat mengaplikasikan pelbagai unsur seni 'Jalinan' dalam karya seni catan mereka?
- iii. Apakah bahan atau medium yang dapat menghasilkan kesan jalinan pada seni catan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan mengetengahkan beberapa objektif seperti berikut :

- i. Mengenalpasti jenis-jenis jalinan dalam penghasilan karya seni catan.
- ii. Mengkaji teknik penghasilan jalinan dalam seni catan.
- iii. Mengekperimentasikan pelbagai jenis bahan, medium dan cat untuk menghasilkan jalinan dalam karya seni catan.

1.5 SKOP KAJIAN

Jalinan boleh dihasilkan dalam pelbagai penghasilan karya seni antara seperti lukisan, arca, cetakan, batik, anyaman, ukiran dan sebagainya. Tetapi dalam kajian yang dijalankan ini hanya memfokuskan kepada unsur seni “jalinan” dalam penghasilan karya seni catan sahaja. Oleh kerana itu, pengkaji hanya menerangkan jenis-jenis jalinan, teknik dan medium dalam penghasilan karya seni bagi catan sahaja.

1.6 DEFINISI TERMA

Kajian ini telah menggunakan beberapa istilah penting yang terdapat pada kata kunci antaranya :

1.6.1 Unsur Seni

Mengikut Wikipedia, definisi terhadap unsur seni adalah “ciri gaya yang disertakan dalam karya seni untuk membantu artis berkomunikasi. Unsur-unsur seni sengaja digunakan dalam sesebuah karya bertujuan untuk pemahaman audien yang lebih mendalam mengenai karya tersebut”

Unsur seni adalah elemen penting dalam penghasilan sesebuah karya seni yang digunakan dalam pengajaran dan analisis dan terdiri daripada garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang, nilai dan juga warna. Selain itu, unsur seni juga merupakan satu alat yang sering digunakan oleh artis seni apabila membuat sesebuah karya. Ini adalah cara seorang artis seni dapat mengatur unsur-unsur seni untuk mencipta pelbagai kesan. Setiap asas seni ini berkait rapat dan menghasilkan visi artistik yang lengkap. Oleh kerana itu, tidak dinafikan bahawa ketujuh-tujuh unsur ini amat penting dalam penghasilan karya seni mahupun dari segi seni sentuhan ataupun seni tampak.

1.6.2 Jalinan '*textured*'

Definisi jalinan secara am ialah sifat permukaan sesuatu objek yang boleh dikesan secara penglihatan tampak dan juga sentuhan. Jalinan terdapat di permukaan objek alam dan objek buatan manusia. Sebagai contoh seperti pada permukaan batang kayu, kulit nenas dan sebagainya. Selain itu, jalinan merupakan ciri permukaan bagi sebarang bahan yang mempengaruhi rupa atau rasa permukaan di dalam dua dimensi.” (ilaazmil2, 2014).

BAB II

KAJIAN LITERATUR DAN TEORI

2.1 PENGENALAN

Kajian ini merupakan satu kajian kes untuk mengenal pasti penggunaan unsur seni jalinan dalam penghasilan karya seni catan. Dalam bab ini akan memberi pendedahan ilmu pengetahuan yang meluas iaitu menerangkan secara mendalam mengenai jalinan *'textured'* dalam penghasilan seni catan. Antara perkara yang ingin dibincangkan iaitu mengenai jenis-jenis jalinan dalam seni catan, teknik jalinan dalam penghasilan karya seni catan dan juga bahan dan media yang digunakan untuk penghasilan karya seni catan. Selain itu, terdapat beberapa teori yang telah diambil berkenaan dengan jalinan dalam karya seni.

2.2 DEFINI JALINAN DALAM KONTEKS SENI

Jalinan dalam seni merangsang deria penglihatan dan sentuhan dan merujuk kepada kualiti sentuhan permukaan seni. Hal ini merujuk kepada jalinan di atas kanvas atau permukaan yang dirasakan yang meliputi penerapan cat. Dalam konteks karya seni, terdapat dua jenis tekstur iaitu visual dan sebenar. Jalinan visual merujuk kepada rasa tekstur yang tersirat yang dihasilkan oleh artis melalui penggunaan pelbagai elemen seni seperti garis, bayangan, dan warna. Jalinan visual merupakan jalinan yang tidak nyata *"not real"* (Cindy Ingram, 2017). Artis mencipta ilusi jalinan melalui

manipulasi media. Manakala jalinan sebenar pula merujuk kepada rendering fizikal atau kualiti permukaan sebenar yang dapat diperhatikan dengan menyentuh objek, seperti aplikasi cat atau seni tiga dimensi. Sapuan kuat yang kelihatan dan jumlah cat yang berlainan akan menghasilkan jalinan fizikal yang dapat menambah ekspresi lukisan dan menarik perhatian ke kawasan tertentu di dalamnya (Cindy Ingram, 2017).

2.3 JENIS-JENIS JALINAN DALAM SENI CATAN

Jenis-jenis jalinan yang biasa difahami iaitu terdiri daripada jalinan sentuh dan juga jalinan tampak. Jalinan sentuh yang merupakan jenis jalinan yang boleh dirasa dengan sentuhan. Oleh kerana itu, sentuhan jari menjadi antara deria yang tepat untuk merasai kesan-kesan jalinan atau melalui penglihatan (visual). Sifat jalinan terbahagi kepada empat jenis iaitu kasar, tajam, halus, dan juga lembut. Contoh yang mudah difahami, jalinan sentuh terdiri daripada jalinan yang terdapat pada permukaan kulit buah-buahan, batang kayu, pasir, tayar kereta, tapak kasut dan sebagainya. Manakala, “bagi jalinan tampak pula adalah kesan daripada permukaan yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasai dengan sentuhan. Sebagai contoh, jalinan tampak terdiri daripada jalinan yang terdapat pada kulit tembikai, gambar-gambar berbentuk dua dimensi dan sebagainya” (Kelvin_D, 2011).

Manakala dalam konteks karya seni pula, terdiri daripada dua jenis jalinan iaitu jalinan visual dan juga jalinan sebenar. Diantara kedua-dua jalinan ini memberikan hasil jalinan yang berbeza dari segi teknik dan juga bahan. Walaubagaimanapun, terdapat jenis-jenis jalinan lain yang telah dikenalpasti iaitu terdiri daripada empat

jenis jalinan yang berbeza dalam seni catan. Antaranya ialah jalinan sebenar (*actual texture*), jalinan simulasi (*simulated texture*), jalinan abstrak (*abstract texture*) dan juga jalinan yang dicipta (*invented texture*).

1. Jalinan Sebenar ‘Actual Texture’

Jalinan Sebenar merupakan permukaan yang dibuat daripada benda sebenar. Artis sering menambahkan jalinan dunia nyata pada karya seni mereka. Oleh kerana itu, mereka telah menggunakan kulit kayu atau kertas pasir untuk menggambarkan idea atau konsep. Artis telah menyebutnya sebagai “jalinan sebenar” iaitu jalinan yang memberikan karya seni rasa semula jadi dan menggunakannya untuk menyampaikan nada organik atau bersahaja. Beberapa artis, seperti Vincent Van Gogh telah membuat lukisan yang menunjukkan jalinan visual tetapi juga menggunakan jalinan sebenar. Sebagai contoh karya *Getty Center, Los Angelos*. (Josh Turner, 2017).

2. Jalinan Tiruan ‘Simulated Texture’

Jalinan tiruan terhasil apabila berlakunya pemindahan imej dari objek alam semula jadi diambil sebagai satu proses peniruan (Asas Seni Visual, 2009). Selain itu, jalinan tiruan juga merupakan jalinan yang disimulasikan menyiratkan rupa objek sebenar melalui rendering yang mahir. Artis memilih jalinan simulasi apabila jalinan sebenar tidak praktikal. Jalinan ini muncul dalam pelbagai bentuk seni termasuk lukisan, catan dan juga ilustrasi. Sebilangan artis membuat jalinan yang disimulasikan dengan baik sehingga mereka dapat memperdayakan

penonton untuk mempercayai bahawa ia adalah objek sebenar. Artis menyebutnya sebagai “Trompe l’oeil” iaitu bermaksud ilusi visual dalam seni yang bertujuan untuk menipu mata melihat perincian yang dilukis sebagai objek tiga dimensi (Josh Turner, 2017).

3. Jalinan Abstrak ‘*Abstract Texture*’

Jalinan abstrak merupakan jalinan yang sukar untuk difahami, bentuk yang dilukis tidak mengikut bentuk yang sebenar. (Muhammad Ariffin, 2015). Selain itu, jalinan abstrak juga bermaksud peniruan permukaan objek. Secara gaya, mereka berada di antara tekstur simulasi dan tekstur yang dicipta. Artis menggabungkan teknik medium mereka untuk menyiratkan tekstur objek, tetapi dengan cara yang berlainan. Mereka menyederhanakan jalinan ke bentuknya yang paling asas, kebiasannya dengan menggunakan garis dan bentuk sahaja. Jenis jalinan ini muncul dalam kebanyakan bentuk seni (Josh Turner, 2017).

4. Jalinan Yang Dicipta ‘*Invented Textured*’

Jalinan yang direka sendiri tanpa ada sebarang peniruan jalinan yang ada. (Muhammad Ariffin, 2015). Selain itu, jalinan ini juga dibuat berdasarkan imaginasi pengkarya itu sendiri iaitu menghasilkan corak hiasan dan muncul dalam karya abstrak. Jalinan yang diciptakan tidak mendapat asas nyata dalam jalinan yang ada di dunia semua jadi. Mereka diciptakan sebagai pusat perhatian dan tidak mewakili objek (Natalie Andrews, 2017). Oleh kerana itu, artis telah

menggunakan banyak teknik yang berbeza untuk membuat jalinan yang dicipta termasuk bentuk, garis dan juga corak (Josh Turner, 2017).

2.4 TEKNIK JALINAN DALAM PENGHASILAN KARYA SENI CATAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemui beberapa teknik jalinan yang boleh diaplikasikan oleh pengkarya baru dalam penghasilan karya seni catan. Antaranya ialah :

1. Teknik Kolaj “Collage”



Gambar 1 : Teknik Kolaj “Collage”

Menurut Wikipedia, kolaj dalam pengertian seni merupakan bentuk seni visual yang menjadi terkenal pada tahun 1920. Dari perkataan Perancis kolaj bermaksud “to glue” atau “to stick together” (Froyle Davies, 2020). Mengikut sejarah, teknik kolaj atau ‘*Papier Colle*’ bermula dengan pelukis Kuba Georges Braque dan juga Pablo Picasso. Menurut beberapa sumber, Picasso adalah yang pertama menggunakan teknik kolaj dalam lukisan minyak.

“It was Braque who purchased a roll of simulated oak-grain wallpaper and began cutting out pieces of the paper and attaching them to his charcoal drawings. Picasso immediately began to make his own experiments in the new medium” -Wikipedia

“Teknik kolaj merupakan satu kaedah potong dan menampal yang boleh dilihat dan juga disentuh” (Leenya. E, 2012). Kolaj dapat didefinisikan sebagai satu hasil kerja seni menyusun dan tampal sebahagian imej dengan menggunakan bahan seperti pelbagai jenis kertas bertekstur, kain dan gambar untuk menambahkan elemen menarik pada karya seni. Cat dan dakwat akrilik adalah medium yang sempurna untuk melakukan kolaj.

2. Teknik Impasto



Gambar 2 : Teknik Impasto

Menurut Wikipedia, impasto merujuk kepada kawasan cat atau tekstur tebal dalam lukisan. Manakala, pengertian impasto dalam Itali pula bermaksud “*dough or paste*” yang menunjukkan teknik melukis di mana cat yang diguna tidak dicairkan dan meninggalkan kesan jalinan yang tebal di atas permukaan kanvas. Istilah ini membawa implikasi bahawa artis menikmati manipulasi cat itu sendiri dan memanfaatkan sepenuhnya sifat sensualnya. Kebiasaan untuk menghasilkan teknik impasto dengan menggunakan sapuan berus atau “*palette knife*” yang menggunakan media seperti akrilik atau cat minyak.

Antara artis yang menggunakan teknik impasto dalam lukisannya seperti Vincent Van Gogh iaitu artis yang terkenal kerana melukis dengan sapuan berus tebal dan bukannya melapisi cat, malah beliau akan memicit terus catnya dari tiup ke atas kanvas.


3. Teknik “*Pouring*” (*Fluid Art*)



Gambar 3 : Teknik “*Pouring*” (*Fluid Art*)

Pouring bermaksud daripada “teknik aliran akrilik” iaitu cat akrilik yang dicairkan dan dituangkan ke kanvas dan diubah dengan mencondongkan permukaan pada kecerunannya. Arah seni akrilik ini disebut “*Fluid Art*”. Variasi kreatif dibuat dengan pemilihan bahan yang sesuai, seperti cat, pengikat, minyak dan bahan tambahan lain yang ditambahkan. Pelbagai campuran dan teknik boleh digunakan untuk membuat jalinan dalam pelbagai bentuk.

4. Teknik Berus Kering “*Dry Brush*” / “*Scumbling*”




Gambar 4 : Teknik Berus Kering “*Dry Brush*”

Scumbling merujuk kepada teknik melukis yang melibatkan penggunaan lapisan cat nipis dengan berus kering dan tangan yang longgar di atas lapisan yang ada. Berus yang digunakan haruslah sekering yang boleh dan penuh dengan cat untuk mendapatkan kesan yang optimum. Tujuannya adalah untuk membiarkan bahagian cat yang ada di bawah ini tetap terdedah. Dalam kebanyakan kes, pemecahan digunakan di atas cat kering. Namun boleh juga menggunakannya di atas cat basah tetapi perlu berhati-hati dengan warna yang bercampur-campur. Ini paling sering dianggap sebagai teknik melukis minyak, tetapi juga dapat digunakan dengan cat akrilik atau cat air. Sebagai contoh, walaupun pelukis realistik Amerika, Andrew Wyeth menggunakan cat air. Namun, karyanya menunjukkan contoh teknik berus kering yang digunakannya untuk membuat struktur dan lapisan (In Good Taste, 2018).

“I work in drybrush when my emotion gets deep enough into a subject. So I paint with a smaller brush, dip it into color, spray the brush and bristles, squeeze out a good deal of the moisture and color with my fingers so there is only a very small amount of paint left. The when I stroke the paper with the dried brush, it will make various distinct strokes at once, and I start to develop the forms of whatever object it is until they start to have real body. Drybrush is layer by layer”

- Andrew Wyeth


5. Teknik Mencuci “*Washing*”



Gambar 5 : Teknik Mencuci “*Washing*”

Salah satu kualiti media cat akrilik yang paling mengagumkan adalah kemampuannya untuk mengubah konsistensinya. Cat akrilik boleh diaplikasikan dalam lapisan tebal atau diaplikasikan dengan ringan untuk menghasilkan rona lut “*translucent hue*” yang nipis. Dengan menggunakan teknik mencuci “*Washing*” dapat memperoleh kelembutan yang menyerupai cat air. Cairkan cat dengan jumlah air yang mencukupi untuk membuat pencucian lut.


6. Teknik “*Stippling*”



Gambar 6 : Teknik “*Stippling*”

Teknik *stippling* adalah penciptaan koleksi titik-titik kecil yang sering digunakan dalam lukisan landskap. Pada masa kini, para artis membina pelbagai jenis teduhan berdasarkan kedekatan dan keberanian penyatuan titik serta menggunakan warna yang berbeza untuk mewujudkan dimensi sebenar. Teknik *stippling* berkait rapat dengan “*Pointillism*” iaitu pendekatan yang berkaitan dengan permukaan lembut titik-titik kecil yang berkelip-kelip. Kaedah ini dipopularkan oleh pelukis Pasca-Impresionis Perancis Georges Seurat. Karyanya yang bergantung pada pemisahan warna melalui goresan pigmen individu yang dipercayai mempunyai warna yang lebih besar di mata pemerhati (*In Good Taste*, 2018).

7. Teknik Memercik “*Splattering*”



Gambar 7 : Teknik Memercik “*Splattering*”

Menurut artikel dari CANSON Studio, *splattering* adalah teknik yang mudah dan berkesan untuk mewakili permukaan yang kompleks. Selain itu, teknik ini tidak dapat diramalkan dan bergantung pada tenaga yang digunakan untuk mencapai estetikanya. Teknik ini melibatkan penyemburan cat ke kanvas dengan menggunakan berus gigi atau berus cat.

Teknik ini telah dipopularkan oleh Jackson Pollock yang secara luas dianggap hari ini sebagai kekuatan utama di belakang gerakan Abstrak Ekspresionis. Dicipta sebagai “*splatter artist*”, Pollock kebanyakannya menggunakan *gloss enamel* dan bukan akrilik untuk mengaplikasikan pigmen ke atas kanvasnya dengan sebatang kayu. Pada pertengahan tahun 1940, Jackson Pollock telah memperkenalkan lukisan titisan “*drip paintings*” yang terkenal (In Good Taste, 2018).


8. Teknik “*Dabbing*”



Gambar 8 : Teknik “*Dabbing*”

Dabbing adalah teknik yang digunakan untuk “*dab*” bagi aksen warna ke permukaan kanvas. Dengan menggunakan berus bulu yang keras “*stiff bristle brush*” atau tuala kertas dan gunakan cat dengan tekanan ringan yang cepat. Sebagai contoh yang dapat digambarkan seperti pada larya pelukis Impresionis Perancis iaitu Claude Monet. Walaupun beliau menggunakan cat minyak, tetapi beliau dapat meneroka kesan cahaya dan warna yang sering dicapai melalui teknik ini.


9. Teknik “*Sponging*”



Gambar 9 : Teknik “*Sponging*”

Teknik ini serupa dengan teknik *dabbing*, tetapi *sponging* memerlukan span selulosa atau span dapur biasa untuk mengaplikasikan cat dalam gerakan spring dan mewujudkan corak jalinan yang tidak teratur dan menghasilkan pelbagai kesan warna ombre yang indah dan satu warna menyatu dengan warna yang lain. *Sponging* adalah antara salah satu teknik melukis yang bagus untuk pengkarya baru yang ingin mencuba. Teknik ini pertama kali muncul semasa gerakan impresionis, di mana bertentangan dengan realisme.

10. Teknik “*Glazing*”




Gambar 10 : Teknik “*Glazing*”

Teknik “*glazing*” adalah proses menerapkan lapisan lut sinar “*transparent*” ke atas lapisan yang lebih legap. Ini membolehkan lapisan warna atau nilai awal mempengaruhi lapisan atas yang paling kelihatan. Pada amnya, artis mengilap

lukisan untuk mencipta sejenis cahaya. Di sinilah ilmu pengetahuan masuk. Dalam istilah yang paling sederhana, “*glazing*” terdiri daripada menerapkan lapisan cat yang telus di atas lapisan cat legap yang kering sepenuhnya. Cahaya yang bergerak melalui lapisan telus dan dipantulkan kembali oleh lapisan gelap dapat menghasilkan rona dan jalinan di atas permukaan, biasanya dengan menggunakan berus lembut yang besar.

Teknik ini telah digunakan sejak kemunculan cat minyak, “*glazing*” bukan teknik baru bagi artis seni dari Belanda iaitu Johannes Vermeer yang telah menggunakan “*glazing*” pada banyak lukisannya, terutama *Girl with the Red Hat* di mana warna merah artis itu dicapai dengan kaedah “*glazing*”. (Jonathan Johnson, 2001).

11. Teknik “*Sgraffito*”




Gambar 11 : Teknik “*Sgraffito*”

Definisi sgraffito dalam bahasa Itali bermaksud “gores”. Mana-mana objek yang boleh digores di cat boleh digunakan untuk sgraffito. Sebagai contoh seperti hujung kayu berus, pisau lukisan atau garpu merupakan alat yang berguna untuk membuat teknik sgraffito dalam lukisan.

Lapisan atas mestilah basah atau separa kering agar cat mudah ditanggalkan. Jika tidak akan menyebabkan terkikis kedua lapisan cat atau mencampurkannya. Teknik sgraffito dalam lukisan catan sangat berkesan dengan menggunakan

teknik Impasto yang kuat seperti Van Gogh yang digunakan. Oleh hal demikian, mengikis menunjukkan lapisan jalinan yang lain dan meningkatkan kontras.

12. Teknik “*With Glitter*”



Gambar 12 : Teknik “*With Glitter*”

Teknik ini merupakan teknik baru iaitu dengan penambahan bahan yang menyinar ke atas kanvas yang dicat dengan menggunakan gam untuk menarik garis atau bentuk lain. Garis gam tadi ditaburkan dengan kilauan warna “*glitter*” yang berbeza dan menggunakannya lebih banyak daripada yang diperlukan untuk menutup gam secara menyeluruh.

13. Teknik “*With Marker*”



Gambar 13 : Teknik “*With Marker*”

Teknik ini digunakan sebagai penanda untuk melukis grafik atau ilustrasi di atas lapisan akrilik. Sebagai contoh antara artis yang mengguna teknik ini adalah Brad Teare. Beliau menggunakan penanda “*marker*” akrilik hitam dan putih untuk mensimulasikan rupa halaman komik atau ukiran kayu pada kanvas (James Gurney, 2018).

14. Teknik Cat Tekstur Pasir



Gambar 14 : Teknik Cat Tekstur Pasir

Jenis teknik ini dapat dilihat pada lukisan minyak berjalinankan pasir iaitu Bernard De Wolff. Hasil karya beliau yang terdiri daripada landskap, kiasan, abstrak, pemandangan bandar dan banyak lagi. Pasir yang dicampurkan dengan warna minyak, menimbulkan tekstur sensual dan sentuhan. Warna akan berubah menjadi warna yang lebih menarik kerana pasir. Oleh kerana itu, teknik ini akan mendorong audien untuk merasa jalinan yang terhasil daripada pasir dengan deria penglihatan dan sentuhan (Israth Humairah, 2016).

15. Teknik Tekstur Gel




Gambar 15 : Teknik Tekstur Gel

Tekstur Gel terlihat seperti cat akrilik putih tetapi pada proses pengeringan tekstur gel ini akan bertukar menjadi lut sinar dan digunakan pada atas kanvas untuk menimbulkan kesan jalinan di atas permukaan. Sebelum mengecat, perlu mengambil sedikit masa bagi proses pengeringan dan boleh juga menggunakan pengering rambut sebagai alat untuk mempercepatkan proses tersebut. Apabila kering, tekstur gel akan berubah dari putih ke lut sinar.

2.5 JENIS BAHAN, MEDIUM DAN JUGA CAT

Medium jalinan atau dalam Bahasa Inggeris bermaksud “*gel atau paste*” adalah bahan yang dicampurkan dengan cat untuk mengubah konsistensinya. Khususnya untuk menambahkan jalinan “*texture*” pada permukaan lukisan seni catan. Manakala bagi penggunaan cat pula, digunakan sebagai *primer* dan juga dapat memberi kesan jalinan pada permukaan kanvas. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan antaranya seperti menggunakan pisau palet. Alat ini sangat berguna apabila mencampurkan medium dengan cat atau medium lain. Selain itu, boleh juga menggunakan pisau dapur, spatula, berus cat dan menggunakan jari sendiri.

1. Medium Gel




Gambar 16 : Medium Gel

Medium gel boleh dicampurkan dengan semua jenis cat akrilik kerana bersifat ringan, berasaskan air, fleksibel, dan juga bersifat kekal. Medium gel terdiri daripada dua jenis warna iaitu berwarna putih dan jernih. Terdapat beberapa jenis medium gel antaranya ialah *Soft Gel*, *Regular Gel*, *Heavy Gel*, *Liquid Gel* dan juga *Matte*. Di samping itu, terdapat lima jenis jenama medium gel terbaik yang boleh didapati iaitu *Golden Artist Colors – Soft Gel Gloss*, *Liquitex*

Professional Matte Gel Medium, Mod Podge Matte, Dina Wakley Media Gel Medium Matte dan juga *Prima Marketing Art Basics 3D* (Rebecca E. Parsons, 2018).

2. Modeling Paste




Gambar 17 : *Modeling Paste*

Modeling Paste atau *Moulding Paste* digunakan untuk membina struktur, memberikan kesan jalinan atau membuat tekstur tiga dimensi dalam sebuah lukisan seni catan. *Modeling paste* seperti medium gel tetapi lebih tebal dan lebih keras dan akan mengeras apabila dikeringkan. *Modeling paste* boleh dipahat atau diukir setelah kering dan juga bagus untuk membuat teknik kolaj kerana membantu untuk menanamkan semua jenis objek di atas permukaan (Tagen Hager-Suart, 2019)

Terdapat lima jenis jenama *Modeling paste* yang terbaik bagi cat akrilik untuk membantu membuat eksperimen jalinan. Antaranya ialah *Golden Artist Colors Molding Paste*, *Hand Art Modeling Paste Medium*, *PEBEO Modeling Paste*, *Winsor & Newton Modeling Paste* dan juga *Liquitex Modeling Paste* (*The ARTnews*, 2012). Setiap daripadanya mempunyai kelebihan dan kelainannya yang tersendiri dan harga juga berlainan.


3. Fiber Paste



Gambar 17 : *Fiber Paste*

Fiber Paste apabila kering mempunyai rupa seperti kertas buatan tangan yang menawarkan permukaan legap, fleksibel dan kasar yang sesuai sebagai tanah atau jalinan di atas kanvas untuk media kering, cat air, pencitraan digital dan juga lukisan seni catan. Fiber paste boleh dikupas dengan menggunakan pisau palet basah untuk membuat permukaan yang lebih halus. Medium ini sangat serba boleh dan dengan mudah dapat membuat permukaan kerja yang sama sekali baru, tebal atau nipis.

4. Crackle Paste



Gambar 18 : *Crackle Paste*

Crackle Paste adalah bahan retak tebal dan legap, yang direka untuk menunjukkan retakan. Ukuran dan luas corak retak bergantung pada banyak faktor, termasuk

ketebalan aplikasi, dan keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan relatif dan aliran udara semasa proses pengeringan. Medium ini menggunakan kecacatan dalam proses pembentukan. Ini mengakibatkan prestasi retak berubah-ubah dan pada tahap tertentu tidak dapat diramalkan. Ketebalan cracker paste yang digunakan akan mempengaruhi ukuran retakan yang dihasilkan. Oleh kerana itu, sekurang-kurangnya setebal 1/8 inci untuk menjadi berkesan tetapi boleh digunakan setebal 1 inci. Dalam kajian ini, mendapati bahawa walaupun corak retak pada dasarnya adalah secara rawak, tetapi akan mempengaruhi corak tersebut sehingga tahap tertentu (Williamsburg).

5. Gel Pumice



Gambar 19 : *Gel Pumice*

Maksud *pumice* adalah daripada sejenis batu *volcanic igneous*, teksturnya yang kasar dan vesikular. Vesikular yang dimaksudkan adalah rongga bulat yang terhasil pada batuan. Oleh kerana itu, nama *pumice gel* diambil kerana mempunyai ciri-ciri jalinan “*texture*” sama seperti batu *volcanic igneous*. *Pumice gel* digunakan untuk membuat jalinan atau permukaan pastel seperti kertas pasir kasar atau jalinan seperti konkrit. Gel pumice terbahagi kepada tiga jenis iaitu *fine pumice gel*, *coarse pumice gel* dan juga *extra coarse pumice gel*. Setiap daripada jenis pumice gel ini mempunyai jalinan yang berlainan

6. Clear Tar Gel



Gambar 20 : *Clear Tar Gel*

Clear tar gel adalah medium polimer unik yang digambarkan mempunyai reologi panjang. Istilah reologi merujuk kepada aliran polimer, terutamanya dalam keadaan cair. Selain itu, *clear tar* juga bermaksud medium yang meratakan dan mengawal seberapa ketat cat akrilik, dan menghalangnya daripada mengekalkan tanda berus. Clear Tar Gel juga boleh digunakan untuk menghasilkan garis terperinci yang halus dengan meneteskannya “*dripping*” di atas permukaan lukisan seni catan (Tesia Blackburn, 2016).

7. Gesso



Gambar 21 : Gesso

Gesso adalah antara bahan seni yang penting untuk menyiapkan kanvas sebelum dilukis. Gesso sangat serupa seperti cat akrilik putih tetapi lebih nipis. Cat akrilik boleh digunakan sebagai lapisan dasar tetapi tidak sama seperti gesso dan jika permukaannya harus dilapisi maka gesso adalah pilihan yang lebih baik berbanding cat akrilik. Oleh kerana itu, gesso digunakan untuk dijadikan sebagai “*prime*” pada permukaan lukisan supaya kelihatan bertekstur dan siap untuk menerima cat akrilik ataupun cat minyak.

Gesso adalah campuran cat putih yang terdiri daripada pengikat yang dicampurkan dengan kapur, gipsum dan juga pigmen. Terdapat pelbagai jenis gesso yang boleh digunakan antara seperti *Golden Acrylic Gesso*, *Liquitex Basic Acrylic Gesso*, *Krylon Gesso Spray*, *Golden Sandable Hard Gesso*, *Golden Black Gesso* dan juga *Holbein Acryla Colored Gesso*. Ketekalan dan tekstur gesso akan berbeza mengikut pelbagai jenis jenama. Terdapat tekstur yang lebih cair dan juga lebih pekat (Thaneeya McArdle, 2008)

8. Stucco



Gambar 22 : *Stucco*

Selain gesso, boleh guna menggunakan stucco untuk menghasilkan jalinan pada karya seni catan dengan harga yang lebih murah berbanding gesso. Kebiasannya stucco digunakan pada cat dinding rumah untuk memberikan pelbagai jenis jalinan. Namun, boleh juga digunakan pada karya seni catan untuk menghasilkan jalinan sendiri. Tetapi stucco perlu dicampurkan dengan sedikit PVA kerana stucco bukanlah medium yang sangat fleksibel (Azure11, 2010).

9. Emulsion Paint White (Super Matex)



Gambar 23 : *Emulsion Paint White (Super Matex)*

Super Matex adalah cat emulsi *vinyl acrylic copolymer*. Cat ini kebanyakan digunakan kepada pelajar seni untuk dijadikan sebagai “*prime*” sebelum mulakan lukisan. Hal ini demikian kerana, *Emulsion Paint White (Super Matex)* lebih murah berbanding dengan medium dan cat yang lain dan dirumus khas untuk keperluan ekonomi. Cat ini perlu dicair dengan tidak lebih daripada 10% air. Di samping itu, cat ini juga boleh menghasilkan jalinan pada permukaan kanvas mengikut kreativiti sendiri. Sebagai contoh, dalam kaedah temu bual dan pemerhatian di Galeri Faisal Alwie juga turut menggunakannya untuk menimbulkan kesan jalinan pada karya seni abstrak kaligrafinya. Beliau menggunakan cat ini kerana murah dan perlu menghasilkan karya seni catan yang banyak.

2.6 ARTIS RUJUKAN

2.6.1 Artis rujukan di Malaysia

Pengkaji telah memilih artis tempahan iaitu Awang Damit Ahmad sebagai artis rujukan kerana hasil seni beliau yang sangat unik dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Beliau merupakan antara artis seni dalam aliran seni abstrak. Karyanya sudah tersebar ke merata negara, seni etnik Sabah menjulang namanya ke persada antarabangsa hingga menjadi buruan pengumpul serta peraih seni.

Awang Damit Ahmad

GARISMEGA "MENJELANG SENJA", 2017

Sale Date: December 3, 2019



Gambar 24 : Lukisan Abstrak dari Awang Damitr Ahmad


Beliau dilahirkan di Kuala Penyu, Sabah pada tahun 1956. Beliau telah mengambil kursus Seni Halus di UITM (School Of Art and Design of ITM) dan dipilih sebagai pelajar terbaik pada tahun 1983. Beliau juga telah

melanjutan pelajaran dalam bidang lukisan di Universiti Katolik Amerika di Washington DC pada tahun 1988 dan dianugerahkan Ijazah Sarjana dalam Seni Halus pada tahun 1990. Kini beliau merupakan pensyarah Seni Halus UITM. Beliau turut menyandang jawatan penting Curator the Art Gallery dan Ketua Jabatan Seni Halus sebelum menjadi Associate Professor pada tahun 2000.

2.6.2 Artis rujukan dari luar negara

Jalinan Visual / Jalinan Tersirat “*Implied Texture*”

1. Jan Van Huysum (1682-1747)



Gambar 25 : *Bouquet of Flowers in a Urn*, 1724 (cat minyak di atas kanvas)


Terdapat dua artis seni yang telah dijadikan rujukan iaitu Jan Van Huysum dan juga Vincent Van Gogh. Antara kedua artis ini memberikan hasil jalinan yang berbeza. Mereka menggunakan kesan jalinan dalam penghasilan karya seni catan adalah bertujuan untuk menambahkan minat, memberi penekanan dan ekspresi, dan juga menambahkan kedalaman karya mereka.

Jan Van Huysum adalah salah satu artis seni Belanda yang paling berpengaruh pada abad ke-18. Van Huysum terkenal dengan lukisan bunga megahnya yang komposisinya adalah campuran daripada Baroque chiaroscuro dan Rococo flamboyance. Dalam karya Van Huysum tidak dilukis sebagai susunan bersatu dari kehidupan kerana terdapat pelbagai jenis bunga yang mekar pada musim yang berbeza. Teknik melukis Van Huysum yang menakjubkan dapat mengangkat statusnya menjadi pelukis bunga Belanda yang paling hebat. Orang Belanda mengelarkan karya Van Husysum sebagai “*bedriegertje*” yang bermaksud sedikit penipuan iaitu mampu memperdayakan audien untuk mempercayai bahawa ia adalah objek sebenar.

Keupayaannya yang luar biasa untuk melukis jalinan pada kelopak bunga, batang, daun, titisan kelembapan yang realistik, gerombolan serangga dan permukaan khas pasu terra cotta dan alas marmar telah menjadikan zaman kegemilangannya sebagai arti seni yang berpengaruh di Belanda.

Jalinan Sebenar “*Actual Texture*”


2. Vincent Van Gogh (1853-1890)



Gambar 26 : *The Starry Night*, 1889 (cat minyak di atas kanvas)

Vincent Van Gogh mencipta banyak karya seni yang menggunakan jalinan sebenar “*actual tecture*” dalam lukisannya. Antara karya beliau yang dapat dilihat pada penggunaan cat yang tebal pada lukisan seperti “*Starry Night*”. Van Gogh telah menggunakan cat minyak dengan cara yang ekspresif dan telah menggunakan “*Thick Relief Paint Texture*” untuk memberikan pengalaman sentuhan dramatik dan merupakan salah satu cara untuk menarik perhatian ke permukaan. Dalam lukisan “*Starry Night*” Van Gogh menggunakan pusaran untuk menggambarkan awan, angin dan bintang di langit untuk jelas terlihat. Teknik berpusing yang digunakan oleh Van Gogh mengarahkan mata audien di sekitar kanvas untuk menunjukkan semua perincian. Jalinan ini terhasil dari sapuan berus yang berani dan lingkaran dan gerakan yang beralun membuat gambar kelihatan bergetar di kanvas (SJB015, 2018)

2.6.3 Artis rujukan daripada media sosial



Gambar 27 : Karya lukisan daripada Kwangho Shin

Selain itu, terdapat juga artis lain yang membawa gaya yang sama dalam hasil seni potret iaitu Kwangho Shin yang merupakan artis daripada Korea Selatan juga. Shin belajar Seni Rupa di Universiti Keimyung dan menggunakan Cat Minyak dan Akrilik. Dalam karyanya, telah mengabdikan kerumitan emosi manusia dengan siri potret abstrak terbarunya. Mengorbankan perincian zat, KwangHo Shin sengaja mengaburkan ciri wajah subjek untuk menyampaikan kerumitan emosi manusia. Pertembungan cat adalah kiasan yang ideal untuk jiwa manusia. KwangHo Shin membuat potret besar dengan menggunakan sapuan berus yang sangat tebal dan besar dengan warna yang sangat selektif untuk menggambarkan subjeknya. Oleh kerana itu, karya seni yang dihasilkan oleh KwangHo Shin iaitu karya seni potret yang dibawa mengikut kreativitinya yang tersendiri dapat memberi tumpuan kepada orang ramai. Hal ini demikian kerana, teknik dan penggunaan warna yang digunakan memberikan kesan jalinan yang berlainan dan dapat menunjukkan “*style*” yang sendiri berbanding dengan karya seni potret yang lain.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Menurut Hornby (1985), “metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian kes atas subjek kajian yang tertentu”. Dalam metodologi ini pengkaji telah menjalankan beberapa kaedah untuk mendapatkan segala maklumat yang ingin dikaji berkaitan dengan unsur seni jalinan dalam penghasilan karya seni catan. Tujuan metodologi kajian ini dilakukan adalah untuk membantu memahami dengan lebih terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian sepanjang proses kajian dijalankan.

3.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrument kajian adalah salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam mengumpulkan data-data penting bertepatan dengan kajian yang dikehendaki bagi menjawab kepada soalan penyelidikan yang telah ditetapkan. Pengkaji telah “mendapatkan maklumat melalui dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif. Instrumen telah menjadi alat untuk mengumpulkan data bagi menjawab soalan penyelidik yang telah ditetapkan (Azian, N. 2015, November).

Kaedah	Instrumen Kajian
Kualitatif	Temu bual, Rujukan (Internet)
Kuantitatif	Eksperimental

Jadual 1 : Instrumen Kajian

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Terdapat beberapa kaedah dan cara dalam pengumpulan data yang boleh digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kaedah dengan lebih sistematik dan memenuhi objektif kajian yang diperlukan pengkaji. Jenis data yang dikumpul dan diperolehi adalah melalui sumber primer dan juga sumber sekunder.

3.3.1 Data Primer

Menurut Sabitha Marican (2005), data primer bermaksud data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian. Selain itu, data primer adalah data yang dikumpul sendiri oleh penyelidik untuk menguji hipotesis. Bagi mendapatkan data primer, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan juga eksperimental.

3.3.2 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Oleh itu, pengkaji telah membuat pemerhatian dan tinjauan di Galeri Faisal Alwie di Shah Alam Selangor. Galeri seni ini telah menghasilkan karya seni abstrak kaligrafi yang mempunyai kesan jalinan pada karya seni catan. Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat melihat bagaimana cara untuk mengaplikasikan pelbagai teknik jalinan dan juga bahan, medium dan cat yang digunakan. Selain itu, Karya seni yang terdapat di Galeri Faisal Alwie telah dihasilkan sendiri oleh En Faisal Alwie mengikut kreativitinya yang tersendiri membuatkan pengkaji tertarik untuk membuat kaedah pemerhatian di galeri ini.



KELANTAN




Gambar 28 : Antara beberapa Karya Seni Abstrak Kaligrafi yang dihasilkan oleh En Faisal Alwie.

3.3.3 Kaedah Temu Bual

Temu bual adalah proses yang melibatkan perbualan antara penyelidik dengan responden yang bertujuan untuk mendapat maklumat yang relevan. Oleh hal demikian, pengkaji telah bertemu bual bersama En Faisal Alwie iaitu mengasas Galeri Seni Faisal Alwie yang menghasilkan seni abstrak kaligrafi. Pelbagai pengalaman dan perkongsian ilmu telah diberikan sepanjang waktu sesi temu bual dilakukan. Antara perkongsian yang telah diberikan adalah berkaitan dengan teknik yang boleh diaplikasikan di dalam penghasilan karya seni catan. Selain itu, En Faisal Alwie juga turut membantu dalam memberi cadangan untuk menggunakan jenis bahan, medium dan cat dengan harga yang mampu milik dalam kuantiti karya yang banyak tetapi masih memberikan kesan jalinan yang sempurna.





Gambar 29 : Galeri Faisal Alwie di Seksyen 16 Shah Alam Selangor

3.3.4 Kaedah Eksperimental

Menurut Gall & Borg (2003), kaedah eksperimen merupakan penyelidikan hipotesis untuk menentukan hubungan berbentuk sebab dan akibat dalam sistem yang tertutup dan terkawal. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah eksperimen untuk mengkaji pelbagai penggunaan bahan, medium dan cat dalam penghasilan karya seni catan. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kaedah eksperimen untuk mendapatkan kesan jalinan yang berbeza daripada pelbagai pelbagai teknik yang digunakan. Kajian ini telah dilakukan di kawasan studio seni Galeri Faisal Alwie.



Gambar 30 : Kelas membuat jalinan bersama En Faisal Alwie

3.3.5 Data Sekunder


Data sekunder adalah data yang telah dikumpul dan dirujuk oleh pengkaji mengenai kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa kaedah sekunder yang digunakan dalam menjalankan kajian ini antaranya seperti bahan rujukan daripada sumber internet dan juga artikel.

3.3.6 Dokumentasi

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji hanya mendapatkan rujukan-rujukan daripada bahan bertulis seperti buku, artikel dan juga mendapatkan sumber daripada blog dan internet bagi mendapatkan maklumat yang dikaji berkaitan dengan penggunaan unsur seni jalinan dalam penghasilan karya seni catan.

3.3.7 DIAGRAM PROSES KAJIAN

Rajah di bawah merupakan kajian dari proses awal sehingga proses akhir penyelidikan untuk mendapatkan hasil kajian. Tujuan rajah ini dibuat adalah untuk memudahkan proses merancang penyelidikan kajian yang dilakukan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.



Rajah 2 : Proses Kajian

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.0 Pengenalan

Kaedah eksperimental merupakan satu kaedah untuk mencapai sesuatu objektif. Kaedah yang digunakan adalah bertujuan untuk mengkaji dari segi teknik dan juga bahan dalam menghasilkan kesan jalinan pada karya seni catan. Oleh kerana itu, untuk mencapai objektif kajian pengkaji telah memilih dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan juga kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif adalah kaedah yang merujuk sumber maklumat daripada internet, buku dan juga jurnal. Selain itu, mendapatkan juga maklumat mengenai kesan jalinan melalui sesi temuduga bersama Pengurus Galeri Seni Faisal Alwie. Manakala untuk kaedah kuantitatif pula merupakan kaedah ekperimental iaitu membuat kajian berdasarkan teknik dan bahan yang digunakan.

4.1 Dapatan Kajian

Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji adalah untuk menentukan keberkesanan ke atas eksperimen yang telah dibuat untuk mengkaji jenis bahan, medium dan cat dalam menghasilkan kesan jalinan. Pengkaji telah menggunakan beberapa teknik dan bahan untuk dijadikan sebagai eksperimen dalam


menghasilkan jalinan dalam karya seni catan. Bahan yang digunakan adalah bahan dan medium yang sedia ada dan mudah didapati. Hal ini demikian kerana, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berlangsung, pengkaji sukar untuk mencari dan mendapatkannya. Oleh hal demikian, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk menggunakan bahan dan medium yang telah ada tetapi memberikan kesan jalinan yang unik dan menarik.

4.2 Eksperimen Dari Segi Teknik dan juga Jenis Bahan.

Bahan yang telah digunakan oleh pengkaji adalah barang yang sedia ada dan didapati semasa sedang menjalani di Latihan Industri di Galeri Seni Faisal Alwie. Pengkaji telah menggunakan beberapa bahan, medium dan cat untuk menghasilkan kesan jalinan pada karya seni catan. Antara bahan yang digunakan adalah seperti *Emulsion Paint White (Super Matex)*, *NIPPON Satin Glo*, *Finest Acrylic Ink*, *Acrylic*, *Glitter*, *Paper*, *Tissue*, *Rock* dan juga *Sand*.

Super Matex adalah cat emulsi *vinyl acrylic copolymer*. Kegunaan cat ini adalah bertujuan untuk digunakan cat dinding dalaman rumah. Tetapi cat ini juga digunakan oleh kebanyakan pelajar seni untuk dijadikan sebagai “*prime*” sebelum mulakan lukisan. Hal ini demikian kerana, *Emulsion Paint White (Super Matex)* lebih murah berbanding dengan mediacat yang lain dan dirumus khas untuk keperluan ekonomi. Cat ini perlu dicair dengan tidak lebih daripada 10% air. Di samping itu, cat ini juga boleh menghasilkan jalinan pada permukaan kanvas mengikut kreativiti sendiri dan memberikan kemasan halus yang tahan lama dan menarik.


Cara menggunakan *Super Matex* pada atas kanvas adalah dengan menggunakan *brick cement trowel* sebagai alatan untuk meratakan secara rawak dan boleh juga melakukan dalam bentuk X. Kesan jalinan yang terdapat pada atas kanvas akan terlihat semula jadi apabila dibuat secara spontan dan rawak. Selain itu, pengkaji juga menggunakan beberapa teknik seperti teknik memercik “Splattering”. *Super Matex* haruslah dibiarkan sehingga kering ataupun boleh menggunakan pengering rambut untuk mempercepatkan proses pengeringan.



Gambar 31 : Menggunakan media cat *Super Matex* untuk memberikan kesan jalinan


Selain itu, boleh juga menggunakan media cat *NIPPON Satin Glo* untuk dijadikan sebagai kesan jalinan di atas kanvas. Semasa membuat eksperimen, pengkaji telah mencuba untuk menggunakan teknik “*Pouring*” (*Fluid Art*) dengan menggunakan media cat *NIPPON Satin Glo*. Keberkesanannya memberikan hasil yang bagus dan menarik berbanding dengan menggunakan media cat *Super Matex*. Hal ini

demikian kerana, pengkaji mendapati teknik “*Pouring*” (*Fluid Art*) yang digunakan tidak sesuai untuk menggunakan media cat *Super Matex* kerana jalinannya yang kasar berbanding dengan *NIPPON Satin Glo* yang lebih lembut.




Gambar 32 : Teknik “*Pouring*” (*Fluid Art*) dengan menggunakan media cat *NIPPON Satin Glo*

Dalam eksperimen yang dibuat, pengkaji dapat menganalisis bahan yang digunakan. Oleh hal demikian, setiap jenis teknik jalinan tidak sesuai untuk digunakan sebarang bahan atau cat yang tertentu. Sebagai bukti, apabila menggunakan media cat *Super Martex* apabila menghasilkan lukisan dengan menggunakan teknik “*Pouring*” (*Fluid Art*). Hasil yang diterima sangat memuaskan kerana jalinan yang terhasil mengalami keretakan di atas kanvas.




Gambar 33 : Teknik “Pouring” (*Fluid Art*) dengan menggunakan media Super Martex

Selain itu, memandangkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berlangsung, pengkaji sukar untuk mencari atau mendapatkan jenis bahan. Oleh hal demikian, pengkaji mengambil inisiatif untuk menggunakan bahan yang sedia ada untuk dijadikan sebagai bahan eksperimen dalam menghasilkan jalinan di atas kanvas. Bahan yang digunakan adalah tisu dan juga kertas yang tidak memerlukan sebarang kos yang dikeluarkan. Hasil yang diterima adalah sangat menarik kerana kesan jalinan yang terdapat pada kanvas mempunyai nilai estetika walaupun hanya menggunakan tisu ataupun kertas sahaja.




Gambar 34 : Menggunakan Kertas atau Tisu untuk menimbulkan kesan jalinan

Di samping itu, antara bahan lain yang boleh digunakan untuk menghasilkan kesan jalinan di atas kanvas iaitu batu. Kesan batu dapat memberikan keunikan yang maish ramai tidak mengetahui lagi. Untuk mendapatkan kesan jalinan daripada batu, pengkaji telah mencampurkan media cat *Super Martex* untuk memastikan batu tersebut melekatkan pada canvas. Selain daripada batu boleh juga menggunakan bahan seperti pasir. Hal ini demikian kerana, kesan jalinan yang timbul sangat ketara dan apabila menyentuh dapat merasai merasakan kesan jalinannya yang kasar.



Gambar 35 : Menggunakan batu untuk menimbulkan kesan jalinan

Selain itu, semasa menjalani Latihan Industri pengkaji juga berkesempatan berpeluang untuk mempelajari menggunakan media *Acrylic Ink*. Media yang digunakan ini akan terlihat seperti cat air kerana media ini merupakan cat akrilik yang sangat cair. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teknik mencuci “*washing*” iaitu untuk menimbulkan kesan jalinan tampak.



Gambar 36 : Menggunakan media *Acrylic Ink* untuk menimbulkan kesan jalinan

4.3 Proses Penghasilan Karya

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, pengkaji telah menghasilkan karya yang mempunyai unsur seni jalinan dalam penghasilan karya seni catan. Dalam kajian yang dibuat, pengkaji telah menerapkan beberapa unsur seni jalinan ke atas penghasilan karya akhir. Karya yang dihasilkan adalah daripada aliran abstrak.

Dalam proses penghasilan karya, pertama sekali pengkaji akan menghasilkan jalinan ke atas kanvas terlebih dahulu untuk memberikan kesan jalinan bagi meningkatkan nilai estetika dalam sesebuah penghasilan karya seni catan. Pengkaji telah menggunakan kertas dan media cat *Super Matex*. Kertas telah dibasahkan terlebih dahulu sebelum dicampurkan bersama media cat *Super Matex*. Oleh itu, pengkaji telah membuat dua karya yang sama tetapi berlainan dari segi jalinan di atas kanvas.



Gambar 37 : Menghasilkan jalinan ke atas kanvas

Pengkaji akan mewarnakan dulu latar belakang secara spontan. Hal ini demikian kerana, warna memainkan peranan untuk menunjukkan perasaan yang ingin di sampaikan oleh audien.




Gambar 38 : Menghasilkan latar belakang

Seterusnya, untuk lukisan abstrak pengkaji tidak merancang dan melukis secara spontan dan tanpa dirancang. Lukisan yang dihasilkan lebih kepada emosi dan perasaan mengikut situasi pada ketika itu. Dalam abstrak cara pemikiran lebih diutamakan dari melukis. Maka terhasillah karya lukisan yang begitu berkualiti bentuknya. Penghasilan lukisan abstrak sepenuhnya adalah lontaran luahan dalaman emosi pelukis tanpa dia sendiri menyedari. Sebelum karya akhir, pengkaji telah memilih untuk meletakkan kalimah ‘Alhamdulillah’ dan melakar pada kanvas dan mewarnakannya.



4.4 Karya Akhir

Pengkaji telah menghasilkan dua karya saiz dan reka bentuk yang sama tetapi perbezaan dari segi jalinan di atas kanvas. Saiz yang digunakan adalah 2kaki x 2kaki.



4.5 KENYATAAN ARTIS

Karya bertajuk 'Sinar Harapan' merupakan luahan pengkarya berdasarkan apa yang telah berlaku pada waktu ini. Hal ini diolahkan dan disampaikan dalam bentuk lukisan. Mencari harapan di dalam kegelapan malam bukannya sesuatu yang mudah, tetapi dengan hanya satu sinaran cahaya itulah yang dapat melepaskan kita dari melewati halangan dinding mental. Harapan adalah suatu yang mendorong kita untuk terus melangkah ke hadapan. Apabila melangkah ke masa depan, kita ingin melihat sebuah harapan, cahaya dan kepercayaan, bukannya kegelapan dan putus asa.

Dalam karya terbahagia kepada dua bahagian iaitu warna hitam dan juga warna emas. Hitam bermaksud yang seseorang yang sedang mengalami masalah dan juga tekanan. Segala masalah dan tekanan dibelenggu pada pemikiran kita menyebabkan terdapat aura negatif yang timbul apabila kita mula mempersoalkan kenapa masalah yang hadapi berlaku pada diri kita. Diri kita hanya memikirkan masalah sahaja tapi tidak fikir bagaimana untuk kita mengatasi dan menyelesaikan masalah tersebut. Manakala warna emas pula membawa bermaksud sinaran atau harapan untuk bagi mengatasi masalah. Setiap masalah pasti akan ada jalan penyelesaiannya.

Seperti mana dalam kandungan Surah Al-Baqarah Ayat 286: Allah Tidak Akan Menguji Hamba-Nya di Luar Batas Kemampuannya(RICSWORKS,2021). Ayat tersebut bertujuan mengingatkan kita bahawa Allah tahu kita ada kekuatan untuk menghadapi ujian ini. Kekuatan yang mungkin kita tak perasan ada dalam diri ini,

menunggu sahaja untuk untuk keluaran kekuatan itu. Jelas bahawa Allah tidak akan membebankan, menguji, atau memberati seseorang itu apa yang orang itu terdaya dan termampu. Maknanya bahawa segala masalah, ujian, bencana, kesakitan, kesedihan dan semua yang kita rasakan negatif menimpa diri sendiri, sebenarnya kita mampu dan boleh menghadapinya. Oleh kerana itu, untuk kalimah Alhamdulillah supaya kita semua sentiasa rasa bersyukur atas nikmat yang telah diberikanNya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 MANFAAT PENYELIDIKAN

Manfaat penyelidikan yang dikaji ini bagi membantu pengkarya baru iaitu generasi yang sedang menceburi dalam bidang seni catan untuk dijadikan sebagai rujukan dalam mengkaji penggunaan unsur seni “jalinan” dalam karya seni catan. Dalam penghasilan karya seni catan, jalinan merupakan antara elemen penting yang bukan sahaja memberikan nilai estetika tetapi dapat memberikan mesej atau perasaan yang timbul pada audien apabila melihatnya.

Selain itu, dalam kajian ini juga dapat menambah ilmu pengetahuan secara mendalam kepada kajian yang sedia ada. Di samping itu, dapat membantu dalam membezakan pelbagai jenis jalinan dalam penghasilan karya seni catan. Oleh itu, pengkarya baru dapat membezakan dan mengenali jenis-jenis jalinan yang terdapat pada karya seni catan.

Akhir sekali, tujuan kajian ini dijalankan juga adalah untuk mengeksplosikan pelbagai jenis teknik dan medium untuk menghasilkan kesan jalinan dalam penghasilan karya seni catan. Pelbagai teknik dan medium baru yang boleh dieksperimentasikan untuk mengetahui daripada hasil yang dapat daripadanya

5.2 RUMUSAN

Kajian ini telah dihasilkan dengan memperolehi pelbagai maklumat daripada kajian lepas. Kajian ini telah membuka ruang kepada pengkaji untuk menyelidik dengan lebih mendalam dan lebih teliti berdasarkan objektif kajian. Dalam kajian ini telah membuktikan pencapaian objektif kajian oleh pengkaji untuk menfokuskan tiga bahagian objektif iaitu mengenalpasti, mengkaji dan mengeksperimentasikan penggunaan karya seni catan di Malaysia.

Rujukan

- BERNARD, T. (26 October , 2020). *TERESA BERNARD OIL PAINTINGS*. Retrieved from Basic Art Element-Texture. [Basic Art Element — Texture | Teresa Bernard Oil Paintings \(teresabernardart.com\)](https://www.teresabernardart.com/)
- CURATOR, a. c. (26 October, 2018). *The Uktimate Collectiom of Element of art Examplese and Definitions*. Retrieved from ELEMENT OF FAART: Wilfred Dexter Tanedo. (18 Jun, 2015). Slideshare. Retrieved from The Elements of Art: [The Ultimate Collection of Elements of Art Examples and Definitions \(artclasscurator.com\)](https://www.artclasscurator.com/)
- IdeelArt. (19 January, 2017). *The Importance of Texture in Abstract Art*. Retrieved from IDEELART: [The Importance of Texture in Abstract Art | Ideelart](https://www.ideelart.com/)
- Scott. (8 September, 18). *DRAW PAINT ACADEMY*. Retrieved from Visual Element – Texture. [Visual Element - Texture In Art \(drawpaintacademy.com\)](https://www.drawpaintacademy.com/)
- REKA, A. S. (2010, Julai 12). *Jalanan*. Retrieved from UNSUR SENI [Elements Of Art] : JALINAN (Texture): [Visual Art Education \[PSV\]: UNSUR SENI \[Elements Of Art\] : JALINAN \(Texture\) \(pendidikan-senivisual.blogspot.com\)](https://pendidikan-senivisual.blogspot.com/)
- VISUAL, A. S. (2009, June Tuesday). *Asas Seni Visual, FSSR Uitm Perak*. Retrieved from Asas Seni Visual, FSSR Uitm Perak: Jalanan <http://asasenivisual.blogspot.com/2009/06/jalanan.html?m=1>
- Wilfred Dexter Tanedo. (18 Jun, 2015). *Slideshare*. Retrieved from The Elements of Art: [The Elements of Art \(slideshare.net\)](https://www.slideshare.net/)